



Rujukan : UKM KPD.600-4/3/2  
Tarikh : 27 April 2026

Semua Pelajar Program Prasiswazah  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Fakulti Pengajian Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/Saudari,

### MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2025/2026

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 akan **bermula pada 27 Julai 2026**.

Sehubungan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan saudara/i seperti berikut:

BIL	PERKARA
1.	Pendaftaran kursus awal akan bermula <b>11 – 17 Mei 2026</b> secara dalam talian melalui laman web <a href="https://smplucee.ukm.my/smpe">https://smplucee.ukm.my/smpe</a> . Sila rujuk tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan.
2.	Sila rujuk penawaran kursus yang ditawarkan oleh fakulti di laman web <a href="http://www.ukm.my/ukmshape">http://www.ukm.my/ukmshape</a> . Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus.
3.	Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2025/2026 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89272145/2114 E-upprpshape@ukm.edu.my Web: [www.ukm.my/ukmshape](http://www.ukm.my/ukmshape)

**ILMU, MUTU DAN BUDI**



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL  
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

4.	Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 adalah <b>DIWAJIBKAN</b> oleh pihak fakulti;</li><li>ii. Pelajar dibenarkan mengambil <b>TIDAK MELEBIHI DUA (2)</b> kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;</li><li>iii. Pelajar hanya boleh gugur kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja (<b>3 – 9 Ogos 2026</b>);</li><li>iv. Tarik diri kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari <b>10 - 30 Ogos 2026</b> dan akan diberikan gred TD;</li><li>v. Gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027);</li><li>vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah;</li></ul>
----	--

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila e-mel kepada Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar di alamat [upprpshape@ukm.edu.my](mailto:upprpshape@ukm.edu.my)

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

**Dr. Kamarul Baraini binti Keliwon**  
**Timbalan Pengarah I (Akademik dan Pengembangan Program)**

- s.k.
- Ketua Bahagian Akademik
  - Ketua Bahagian Pengurusan dan Teknologi Maklumat
  - Ketua Bahagian Kewangan
  - Ketua Bahagian Pentadbiran
  - Penyelaras Program Prasiswazah FEP, FPI, FSSK



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89272145/2114 E-[upprpshape@ukm.edu.my](mailto:upprpshape@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/ukmshape](http://www.ukm.my/ukmshape)

**ILMU, MUTU DAN BUDI**